



27 MAR, 2026

Kerajaan Madani ambil pendekatan pragmatik tangani subsidi bahan api

Sinar Harian, Malaysia



Kerajaan Madani ambil pendekatan pragmatik tangani subsidi bahan api

KUALA LUMPUR - Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat mengurus lonjakan harga minyak global secara berhemah, tersusun, meskipun konflik di Asia Barat kini memasuki minggu keempat tanpa tanda-tanda reda.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid berpandangan, pendekatan kerajaan Madani yang mengekalkan struktur subsidi bahan api sedia ada merupakan langkah pragmatik bagi meredakan impak kejutan harga minyak terhadap ekonomi domestik.

Beliau mengimbas krisis 2008 apabila harga minyak mentah Brent mencecah AS\$148 setong, yang menyaksikan rasionalisasi subsidi secara drastik sehingga mencetuskan kenaikan mendadak harga bahan api dan lonjakan inflasi daripada 3.8 peratus kepada lebih lapan peratus dalam tempoh singkat.

"Rasionalisasi subsidi ketika itu amat ketara, dengan harga RON92, RON97 dan di-

esel masing-masing meningkat 72 sen, 78 sen dan RM1.00 pada 5 Jun 2008. Akibatnya, kadar inflasi melonjak daripada 3.8 peratus pada Mei kepada 7.7 peratus, 8.5 peratus dan 8.5 peratus masing-masing pada Jun, Julai dan Ogos 2008.

"Kerajaan kini belajar bahawa rasionalisasi subsidi perlu dilaksanakan secara tepat. Pelaksanaan subsidi bersasar menggunakan MyKad ketika ini lebih terarah, sekali gus mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya kepada *Bernama*.

Beliau berkata, struktur subsidi semasa yang membolehkan semua pemegang lesen memandu sah menikmati subsidi tanpa mengira pendapatan, berdepan isu kemampuhan sekiranya harga minyak global kekal tinggi dalam tempoh berpanjangan.

Dalam masa sama, beliau menegaskan keadaan semasa yang tidak menentu me-



MOHD AFZANIZAM

merlukan pendekatan berhati-hati tanpa tindakan tergesa-gesa.

Sementara itu, Mohd Afzanizam berkata, syarikat berkaitan kerajaan seperti Petroliaam Nasional Bhd (Petronas) mempunyai rangkaian perniagaan kukuh merangkumi lebih 100 negara, membolehkannya mempelbagaikan sumber bekalan minyak dan gas dari pelbagai sumber termasuk Kanada,

Amerika Latin, Balkan dan Afrika.

Tenaga Nasional Bhd pula memiliki ekosistem tenaga yang mantap, khususnya dalam pengurusan campuran tenaga termasuk arang batu dan gas yang merangkumi sebahagian besar bekalan, sekali gus berupaya menampung sebarang gangguan bekalan.

"Keupayaan ini mencerminkan kematangan syarikat berkaitan kerajaan dalam mengurus kejutan bekalan serta memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi," katanya.